

## **HUBUNGAN SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN BAHASA ARAB**

**Nur Afifah Fadzil**

Fakulti al-Quran dan Sunnah,  
Jabatan Bahasa al-Quran dan Sunnah,  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Malaysia

**Nuraznan Jaafar**

Pusat Asasi dan Pengajian Umum,  
Universiti Melaka (UNIMEL), Malaysia

**Maryam Md Rofiee**

Fakulti al-Quran dan Sunnah,  
Jabatan Bahasa al-Quran dan Sunnah,  
Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS), Malaysia

*Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@kuiips.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 16 Oktober 2022*

*Accepted : 17 October 2022*

*Published : 27 December 2022*

### **ABSTRAK**

Sikap merupakan satu faktor yang penting dalam pembelajaran bahasa. Sikap merupakan kelakuan, perbuatan atau pandangan terhadap sesuatu perkara. Ia mampu mempengaruhi peningkatan mahupun penurunan pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Pelajar yang mempunyai sikap yang positif terhadap sesuatu perkara akan berusaha untuk membuat yang terbaik begitu juga sebaliknya. Namun begitu, sikap sahaja tidak cukup, ia perlu didorong bersama dengan motivasi dalaman dan luaran pelajar. Kajian ini dijalankan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima di enam buah Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Kertas kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab serta hubungannya dengan penguasaan Bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan dikumpulkan menerusi set soal selidik. Dapatan kajian mendapati secara purata, skor responden bagi sikap pelajar berada pada tahap tinggi iaitu skor min 3.83. Selain itu, dapatan bagi ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab ( $r = 0.623$ ,  $p < 0.05$ ). Justeru itu, sikap memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran Bahasa Arab dan mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan Bahasa Arab pelajar. Sikap boleh dipupuk dari awal pembelajaran

dan disokong dengan kaedah yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar.

**Kata Kunci:** Sikap, Pembelajaran, Penguasaan, Bahasa Arab

## ***THE RELATIONSHIP OF STUDENTS' ATTITUDES TOWARDS ARABIC LANGUAGE PROFICIENCY***

### ***ABSTRACT***

*Attitude is an important factor in language learning. Attitude is a behavior, act, or view towards something. It can affect performance of students in learning. Students who have positive attitude towards something will try to do their best. However, attitude alone is not enough, it needs to be driven along with the internal and external motivation of students. This study was conducted on 316 form five students in six Arabic secondary schools of the Melaka Department of Islamic Religion (SMA JAIM) who sat for the Malaysian Certificate of Education exam for the subject of Arabic. This research paper aims to identify the level of students' attitudes toward learning Arabic as well as its relationship with the mastery of the Arabic language. This study is quantitative, and the data collected through a set of questionnaires. The findings of the study found that on average, the respondents' scores for student attitudes were at a high level min 3.83. In addition, the results of the correlation test showed that there is a significant positive relationship between student attitudes and Arabic language proficiency ( $r = 0.623$ ,  $p < 0.05$ ). Therefore, attitude plays an important role in learning Arabic and can positively effect on students' mastery of Arabic. Attitudes can be fostered from the beginning of learning and supported with methods which are appropriate to the student's level of learning.*

**Keywords:** *Attitudes; Learning; Proficiency; Arabic Language*

### **PENGENALAN**

Bahasa Arab ialah satu ilmu bahasa yang penting pada masa kini dan telah diberikan perhatian penuh oleh ahli-ahli bahasa dalam kalangan guru, pensyarah dan pengkaji bahasa. Ia dikukuhkan lagi apabila Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) menjadikan subjek Bahasa Arab sebagai satu subjek pilihan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan menjadi subjek wajib bagi semua sekolah aliran agama sama ada bertaraf kerajaan persekutuan, kerajaan negeri mahupun swasta. Sejajar dengan perkembangan itu, pembelajaran Bahasa Arab diteruskan sehingga ke peringkat universiti seterusnya memberi ruang dan membuka peluang kepada para pelajar untuk terus menyambung pengajian mereka dalam bidang ini.

Perkembangan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia selari dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia. Pembelajaran Bahasa Arab tidak hanya terbatas kepada pelajar sekolah aliran agama, malah orang awam kini turut menyedari kepentingan mempelajari Bahasa Arab (Nur Afifah, 2016). Ia tidak dapat dinafikan bahawa Bahasa Arab merupakan bahasa ibadah agama Islam dan ia juga merupakan bahasa perantaraan terpenting di dunia pada abad kini. Proses perkembangannya menjadi salah satu faktor banyaknya kajian-kajian ilmiah dibuat dalam mencari kekuatan dan kelemahan terutama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di setiap peringkat pengajian. Sikap dan motivasi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran merupakan dua aspek penting yang memberikan pengaruh tinggi terhadap kecemerlangan mereka dalam sesuatu subjek yang dipelajari.

## SIKAP

Sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai dan tidak (Katz 1960). Sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi. Ia menjadi perhatian dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa semenjak abad ke-20 lagi. Dari segi bahasa, Hornby (1974) mendefinisikan sikap sebagai (*attitude*), yang berasal dari bahasa Italia '*attitudine*' iaitu "*Manner of placing or holding the body, dan way of feeling, thinking or behaving*". *Free Online Dictionary* pula mendefinisikan sikap sebagai '*complex mental state involving beliefs and feelings and values and dispositions to act in certain ways*'. Sikap adalah keadaan mental yang kompleks yang melibatkan keyakinan dan perasaan, serta kecenderungan untuk bertindak dengan cara tertentu.

Menurut Gardner (1983), sikap merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan pembelajaran bahasa di dalam kelas. Sementara itu, Oxford dan Nyikos (1989) menyatakan sikap dan kepercayaan memberikan kesan yang ketara kepada strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar. Jika pelajar mempunyai sikap dan kepercayaan yang negatif, mereka akan menggunakan strategi yang kurang berkesan. Sebaliknya, jika pelajar mempunyai sikap yang positif, mereka akan menggunakan strategi pembelajaran yang berkesan. Pelajar yang lemah dan gagal dalam pelajaran biasanya mempunyai sikap yang negatif terhadap pembelajaran pelajaran tersebut. Ia berbeza dengan pelajar mempunyai sikap yang positif, mereka akan dapat menguasai bahasa dengan baik dan kemahiran bahasa mereka juga dapat ditingkatkan. Dua faktor instrinsik yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pembelajaran bahasa kedua ialah sikap dan motivasi (Zulkifley 2000). Beliau turut menyatakan sikap seseorang terhadap bahasa dapat dilihat berdasarkan lima faktor iaitu faktor psikologi, kedudukan geografi, latar belakang budaya, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga. Ia disokong dengan kenyataan Azlin Ariffin & Muhamad Suhaimi Taat (2020) yang menyatakan platform untuk murid-murid menguasai mata pelajaran tersebut dengan cemerlang ialah kerana sikap positif seperti rajin belajar dan berusaha serta menunjukkan minat yang

mendalam dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Arab. Sikap yang positif akan memberikan output yang memberangsangkan.

Ab Halim (2006) mendefinisikan sikap sebagai aplikasi daripada minat seseorang terhadap sesuatu dan merupakan faktor dalaman yang berlandaskan keinginan meluap-luap untuk mempelajari sesuatu benda yang baru dalam kehidupan. Menurut Jamaliah (2007), sekiranya pelajar bersikap positif serta sentiasa berusaha untuk mendalami dan menguasai Bahasa Arab, maka tidak mustahil ia akan membawa ke arah kejayaan. Antara sikap positif yang perlu dimiliki oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab ialah minat, berani, berfikiran positif, konsisten dan tetapkan sasaran (Wan Azura et al. 2007).

## **SIKAP TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Sikap memainkan peranan penting dalam aspek kecemerlangan pelajar. Hal ini telah dibuktikan dengan pelbagai dapatan kajian yang menghuraikan aspek sikap ini adalah antara faktor penyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Sikap merupakan suatu bentuk psikologi pendidikan yang sering diperkatakan dan memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua (Gardner & Lambert 1972; Gardner 1983; Gardner et al. 1985; Mohd Firdaus 2003; al-Tamimi & Shuib 2009; Azizeh & Zahreh 2010; Natsue 2012). Mohd Firdaus (2003) menghuraikan tiga jenis sikap yang diperkenalkan dalam model *socio-educatioal* iaitu sikap integratif, sikap terhadap pembelajaran dan sikap instrumental. Ketiga-tiga jenis sikap ini mempunyai hubung kait dengan motivasi.

- a. Sikap integratif  
Sikap integratif terbentuk daripada pengaruh latar belakang bahasa keluarga dan masyarakat. Sikap ini dipengaruhi secara tidak langsung oleh faktor motivator.
- b. Sikap terhadap pembelajaran  
Sikap terhadap pembelajaran berkaitan pengaruh secara langsung oleh motivator seperti kualiti guru bahasa, pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti-aktiviti sokongan yang dilaksanakan oleh sekolah.
- c. Sikap instrumental  
Sikap instrumental berasaskan kepada kesedaran tentang kepentingan bahasa dari segi keperluan peperiksaan, pendidikan lebih tinggi dan mencari kerja yang lebih baik. Sikap ini terbentuk hasil daripada faktor latar belakang dan motivator.

Dalam konteks sikap terhadap pembelajaran Bahasa Arab, nilai yang boleh dikaitkan adalah seperti nilai Bahasa Arab sebagai faktor agama, faktor pendidikan, faktor komunikasi dan sejak kebelakangan ini dilihat sebagai bahasa yang digunakan dalam sektor ekonomi seperti pelancongan dan perbankan (Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 2010; Kamarul Shukri, 2009; Jamaliah, 2007; Kamarulzaman et al., 2002). Jika dilihat pada sektor pelancongan, pelancong Arab mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka pada setiap kali percutian musim panas.

Jumlah mereka melancong ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun khususnya setelah berlakunya peristiwa 11 September 2011 (Mohammad Najib et al., 2016). Selain itu, Mohammad Imran Ahmad et al. (2018) turut menjalankan sebuah kajian berkaitan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Di Selangor. Justeru dapat disimpulkan bahasa Bahasa Arab kini semakin berkembang seiring dengan arus peredaran zaman dan semakin mendapat tempat dalam pelbagai sektor selain daripada sektor pendidikan dan hal ehwal berkaitan agama Islam.

Rusniza (1998) dan Jamaliah (2007) berpendapat salah satu faktor tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab masih rendah kerana Bahasa Arab itu sendiri kurang mempunyai nilai ekonomi berbanding bahasa kedua yang lain. Mereka lebih menganggap Bahasa Arab hanya semata-mata bahasa ibadat dan tidak bersifat ekonomi yang mempunyai prospek kerjaya yang cerah dan menguntungkan. Walaubagaimanapun, persepsi ini semakin berubah apabila rakyat Malaysia mula percaya bahawa kelebihan berbahasa Arab dalam industri pelancongan dapat menjadikan nilai tambah Bahasa Arab semakin meningkat.

Sikap negatif lain yang kerap dialami oleh pelajar ialah malu dan takut untuk bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Ia disebabkan rasa rendah diri yang terlampau, tiada keyakinan dan tidak mempunyai rasa tanggungjawab. Rosni (2012) menyarankan beberapa usaha untuk menghadapi sikap negatif yang dialami dalam pembelajaran Bahasa Arab iaitu mengelakkan diri daripada merasa rendah diri dan malu untuk bertanya atau mencuba, mempunyai rasa kesediaan untuk bertindak balas secara sendiri, merebut dan menggunakan peluang yang ada dengan kerjasama bersama pelajar lain dan kerap mempraktikkan bahasa yang dipelajari secara berterusan.

Sikap integratif dilihat kurang dititikberatkan oleh tenaga pengajar dalam menimbulkan minat cintakan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Zughoul & Taminian (2003) mendapati pelajar di Univeriti Yarmouk mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Namun begitu, pelajar menunjukkan sikap integratif terhadap Bahasa Arab berbanding bahasa Inggeris. Hal ini berkemungkinan disebabkan suasana masyarakat dan persekitaran di sekeliling mereka adalah orang Arab.

Azlin Ariffin & Muhamad Suhaimi Taat (2020) menjalankan kajian berkaitan Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. Ia bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap murid dan pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan telah dijalankan terhadap 200 orang pelajar di Sekolah Rendah di Sabah. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar ( $r=0.210$ ,  $p<0.05$ ) dan pengajaran guru ( $r=0.229$ ,  $p<0.05$ ) dengan penguasaan Bahasa Arab. Selain itu, analisis deskriptif menunjukkan bahawa skor min bagi variabel sikap pelajar adalah pada tahap sederhana (3.37) dan begitu juga persepsi pelajar bagi pengajaran guru (3.56).

Pengaruh sikap dalam kalangan pelajar dan pengajaran guru di dalam kelas juga mempunyai hubungan yang signifikan dalam menguasai subjek Bahasa Arab. Hal ini telah dibuktikan oleh Noorafini (2017) di dalam kajiannya

bertajuk “Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS”. Kajian beliau bertujuan melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan dijalankan terhadap 200 orang pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min 3.66 dan 4.09. Ia turut menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi kedua-dua variabel sikap pelajar dan pengajaran guru. Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab, begitu juga dengan pengajaran guru dengan penguasaan Bahasa Arab. Selain itu, analisis regresi mendapati bahawa pengajaran guru memberikan pengaruh yang besar iaitu sebanyak 48.1%, berbanding sikap pelajar iaitu 8.1% terhadap penguasaan Bahasa Arab. Dapatan ini memberikan implikasi kepada pemantapan amalan pengajaran guru Bahasa Arab dalam meningkatkan sikap yang positif untuk menguasai Bahasa Arab sekali gus memperkasakan pencapaian dalam kalangan pelajar.

Ismail Muhamad (2013) membincangkan tentang sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab dalam kajian beliau iaitu “Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF”. Beliau menyatakan pembelajaran Bahasa Arab yang diwajibkan di peringkat sekolah rendah adalah sebuah pembaharuan dan ia telah diberi status istimewa dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dapatan kajian terhadap sikap responden secara umumnya adalah positif dengan minat yang tinggi untuk mempelajari Bahasa Arab diikuti oleh kesungguhan, pencapaian dan dorongan. Manakala keputusan ujian bahasa menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana bagi komponen menulis dan membaca serta tahap rendah bagi komponen bertutur. Kesimpulannya, tahap sendiri pelajar terhadap Bahasa Arab yang positif tidak menggambarkan pencapaian yang memuaskan. Kajian ini secara asasnya membuka ruang penelitian untuk diterokai bagi kesinambungan penyelidikan tentang sikap dan pencapaian pelajar Bahasa Arab, khususnya di peringkat sekolah rendah di Malaysia.

Seterusnya Azman Che Mat (2013) menghuraikan tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di IPTA. Aspek motivasi juga mempunyai hubungan dengan sikap majoriti pelajar bahkan permasalahan motivasi dan sikap pelajar perlu lebih diberi perhatian oleh tenaga-tenaga pengajar Bahasa Arab di IPT. Bahasa Arab telah menjadi bahasa asing ketiga oleh pelajar. Pendekatan perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian kerana kajian ini bertujuan meninjau kemungkinan wujudnya persamaan mahupun perbezaan daripada populasi yang berbeza, iaitu dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSA). Sampel kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus program diploma.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak persamaan berbanding dengan perbezaan. Latar belakang responden yang kebanyakannya mempunyai pengalaman mempelajari Bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di

universiti adalah faktor berlakunya persamaan dan perbezaan perbandingan. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap bahawa mereka mempunyai kelebihan dan menganggap Bahasa Arab itu mudah. Selebihnya mereka mengambil Bahasa Arab sebagai pilihan disebabkan oleh pengaruh kawan, media dan keluarga.

Meskipun Bahasa Arab telah diperkenalkan di peringkat sekolah, namun ia masih tidak mampu membentuk sikap minat pelajar untuk mendalami dan meningkatkan penguasaan Bahasa Arab. Ia disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap Bahasa Arab tidak penting dan mereka belajar sekadar untuk mendapatkan ganjaran CGPA. Di sini perlu adanya satu usaha yang boleh mengubah sikap dan anggapan pelajar terhadap Bahasa Arab pada masa akan datang yang bermula di peringkat sekolah lagi.

Ghazali Yusri (2010) menghuraikan secara khusus tentang sikap pelajar dalam kemahiran lisan Bahasa Arab. Kemahiran lisan adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar Bahasa Arab. Beliau menyatakan bahawa sikap terhadap pembelajaran bahasa telah mempengaruhi proses pembelajaran. Beliau memfokuskan kepada sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang merangkumi dua aspek iaitu sikap terhadap pengajaran bahasa dan sikap terhadap Bahasa Arab. Objektif kajian adalah meneroka sikap pelajar dari segi kognitif, afektif dan konatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan 21 temu bual, iaitu 13 siri temu bual bersama pelajar dan lapan siri temu bual bersama pensyarah. Pemilihan pelajar dibuat dengan mengambil kira faktor latar belakang pengalaman Bahasa Arab dan gugusan fakulti pelajar.

Dari segi kognitif, semua pelajar menyatakan kepentingan Bahasa Arab walaupun sebahagian mereka lebih mementingkan subjek yang lain. Persepsi pelajar dari segi kesukaran pula bergantung kepada tahap pengalaman mereka yang terdahulu. Dari segi afektif, semua pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap Bahasa Arab. Namun begitu pelajar yang tiada asas menyatakan rasa tidak selesa dengan keadaan kelas yang menggabungkan pelajar yang mempunyai asas Bahasa Arab dengan pelajar yang tiada asas tersebut. Pelajar menunjukkan kecekalan mereka dalam pembelajaran dan ingin terus mempelajarinya pada masa akan datang. Beliau mencadangkan agar pendekatan pengajaran yang digunakan perlu sesuai dengan latar belakang pengalaman pelajar. Pendekatan yang sesuai penting kerana ia mempengaruhi pembentukan sikap pelajar seterusnya memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Terrrdapat beberapa objektif kajian, iaitu:

- a. Mengenal pasti tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab.
- b. Menghuraikan hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan Bahasa Arab.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah kaedah pensampelan yang digunakan, Kesemua responden mempunyai latar belakang yang sama iaitu pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ia melibatkan 316 orang pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah arab (SMA) JAIM di sekitar Melaka. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMA JAIM Darul Falah, SMA JAIM al-Ehya al-Karim, SMA JAIM al-Asyraf, SMA JAIM al-Ahmadi, SMA JAIM as-Sayyidah Khadijah dan SMA JAIM as-Syakirin. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Dapatan yang diperolehi daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis korelasi.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab adalah saling berkaitan dengan motivasi mereka dalam mempelajari Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan 196 orang responden (62%) merasakan mereka mempunyai sikap yang tinggi. Manakala seramai 114 orang responden (36.1%) berpendapat bahawa tahap sikap mereka adalah sederhana. Sementara hanya enam orang responden merasakan tahap sikap mereka adalah rendah. Sikap diukur berdasarkan instrumen soal selidik yang dijawab oleh responden yang dinilai menerusi lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap tinggi. Rujuk jadual 1.

**Jadual 1:** Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Sikap			3.83	0.618
Rendah (1.00 – 2.33)	6	1.9		
Sederhana (2.34 – 3.67)	114	36.1		
Tinggi (3.68 – 5.00)	196	62.0		
Jumlah	316	100.0		

*Sumber: Data soal selidik (n=316)*

Berikut merupakan taburan data soal selidik bagi sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Data dihuraikan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Rujuk jadual 2.



**Jadual 2:** Taburan Data Soal Selidik Sikap

Bil	Pernyataan	5 Sangat setuju (SS) (%)	4 Setuju (S) (%)	3 Tidak Pasti (TP) (%)	2 Tidak Setuju(TS) (%)	1 Sangat Tidak Setuju (STS) (%)	Min	SP
1.	Saya sentiasa bersemangat untuk mempelajari Bahasa Arab.	99 (31.3)	148 (46.8)	59 (18.7)	8 (2.5)	2 (0.6)	4.06	.811
2.	Saya sentiasa mengulangkaji pelajaran Bahasa Arab.	33 (10.4)	147 (46.5)	107 (33.9)	21 (6.6)	8 (2.5)	3.56	.862
3.	Saya tidak berasa bosan mempelajari Bahasa Arab di dalam kelas.	70 (22.2)	148 (46.8)	79 (25.0)	15 (4.7)	4 (1.3)	3.84	.867
4.	Saya sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Arab.	59 (18.7)	148 (46.8)	88 (27.8)	15 (4.7)	6 (1.9)	3.76	.877
5.	Saya berasa tidak tertekan apabila belajar Bahasa Arab.	55 (17.4)	135 (42.7)	101 (32.)	14 (4.4)	11 (3.5)	3.66	.934
6.	Saya merasakan Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang tidak sukar.	43 (13.6)	135 (42.7)	105 (33.2)	22 (7)	11 (3.5)	3.56	.932
7.	Saya tidak akan mencari alasan untuk tidak hadir ke kelas Bahasa Arab.	81 (25.6)	143 (45.3)	80 (25.3)	7 (2.2)	5 (1.6)	3.91	.857

8.	Saya berasa tidak seronok apabila kelas Bahasa Arab dibatalkan.	33 (10.4)	99 (31.3)	156 (49.4)	19 (6.0)	9 (2.8)	3.41	.862
9.	Saya tidak mudah putus asa dalam menguasai pembelajaran Bahasa Arab.	84 (26.6)	154 (48.7)	71 (22.5)	4 (1.3)	3 (0.9)	3.99	.793
10.	Saya belajar Bahasa Arab bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja.	126 (39.9)	124 (39.2)	47 (14.9)	12 (3.8)	7 (2.2)	4.11	.943
11.	Saya suka kelas tambahan/ganti Bahasa Arab.	48 (15.2)	137 (43.4)	108 (34.2)	16 (5.1)	7 (2.2)	3.64	.878
12.	Saya suka belajar Bahasa Arab.	95 (30.1)	157 (49.7)	53 (16.8)	7 (2.2)	4 (1.3)	4.05	.819
13.	Saya berusaha untuk menguasai Bahasa Arab.	103 (32.6)	174 (55.1)	30 (9.5)	4 (1.3)	5 (1.6)	4.16	.769
14.	Saya berminat untuk bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar.	98 (31)	143 (45.3)	63 (19.9)	5 (1.6)	7 (2.2)	4.01	.880
15.	Saya sendiri berminat untuk mempelajari Bahasa Arab.	82 (25.9)	150 (47.5)	68 (21.5)	8 (2.5)	8 (2.5)	3.92	.894
16.	Saya suka bertanya berkaitan mata pelajaran Bahasa Arab.	39 (12.3)	131 (41.5)	125 (39.6)	14 (4.4)	7 (2.2)	3.57	.846

17.	Saya terlibat secara aktif dalam pembelajaran Bahasa Arab.	32 (10.1)	97 (30.7)	150 (47.5)	28 (8.9)	9 (2.8)	3.36	.886
18.	Saya berasa bangga dapat mempelajari Bahasa Arab	142 (44.9)	139 (44)	23 (7.3)	9 (2.8)	3 (0.9)	4.29	.799

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Jadual 2 menunjukkan taburan data bagi kekerapan, peratusan, skor min item dan sisihan piawai sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Item yang mendapat nilai min paling tinggi iaitu 4.29 ialah item 25 “*Saya berasa bangga dapat mempelajari Bahasa Arab*”. Seramai 281 orang responden (88.9%) bersetuju bahawa mereka berasa bangga dapat mempelajari Bahasa Arab. Penyelidik berpandangan, apabila mereka dapat mempelajari Bahasa Arab, mereka merasakan bahawa mereka mempunyai kelebihan berbahasa yang lain berbanding para pelajar yang tidak mempelajarinya. Manakala nilai min yang paling rendah iaitu 3.36 berada pada item 24 “*Saya terlibat secara aktif dalam pembelajaran Bahasa Arab*”.

Dapatan pada item 8 menunjukkan seramai 247 orang responden (78.1%) bersetuju bahawa mereka sentiasa bersemangat untuk mempelajari Bahasa Arab. Seramai 180 orang responden (56.9%) yang sentiasa mengulangkaji pelajaran Bahasa Arab. Ia menunjukkan bahawa separuh daripada responden kurang mengulangkaji pelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, penyelidik berpandangan bahawa jumlah ini akan meningkat sekiranya para pelajar semakin hampir dengan tempoh peperiksaan. Dapatan ini dapat dilihat pada item 9.

Jika dilihat pada aspek sikap pelajar terhadap kelas Bahasa Arab iaitu item 10, seramai 218 orang responden (69%) bersetuju bahawa mereka tidak bosan mempelajari Bahasa Arab. Dapatan ini dapat membuktikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas mampu menarik minat dan fokus para pelajar. Selain itu pada item 14, seramai 224 orang responden (70.9%) bersetuju mereka tidak akan mencari alasan untuk tidak hadir ke kelas Bahasa Arab. Hanya 12 orang responden (3.8%) yang mencari alasan untuk tidak menghadirinya. Dapatan bagi item 15 menunjukkan bahawa 132 orang responden (41.7%) menyatakan setuju bahawa mereka berasa tidak seronok apabila kelas Bahasa Arab dibatalkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar seronok apabila kelas Bahasa Arab dibatalkan. Sikap ini perlu ditangani dan diselesaikan oleh para guru dan pihak sekolah dengan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan para pelajar berasa suka dan seronok apabila kelas dibatalkan. Namun begitu, dapatan pada item 18 menunjukkan bahawa hampir separuh iaitu 185 orang responden (58.6%) bersetuju bahawa mereka suka kelas tambahan/ganti Bahasa Arab.

Jika dilihat pada sikap pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab, seramai 207 orang responden (65.5%) sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan Bahasa Arab. Ini dapat dilihat pada item 11. Pada pandangan penyelidik, antara sumber yang menjadi rujukan pelajar ialah para guru, buku-buku tambahan Bahasa Arab dan rakan sebaya yang mahir dalam Bahasa Arab.

Selain itu, ia dapat dikaitkan dengan dapatan data pada item 17 iaitu 250 orang responden (79.1%) bersetuju bahawa mereka mempelajari Bahasa Arab bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja. Hal ini dapat membuktikan bahawa majoriti pelajar yang mempelajari Bahasa Arab adalah bukan semata-mata untuk peperiksaan sahaja. Mereka akan sentiasa memperbaiki dan menambah baik mutu penguasaan Bahasa Arab mereka. Penyelidik berpandangan, pelajar-pelajar ini sedar akan kepentingan Bahasa Arab sama ada untuk kegunaan harian mahupun untuk kepentingan akan datang. Mereka akan sentiasa memberikan perhatian di dalam kelas serta menghadiri setiap kelas dan bengkel yang dianjurkan oleh pihak guru dan sekolah.

Dapatan data bagi pecahan sikap yang datang dari diri sendiri dapat dilihat pada item 12, 13, 16, 19, 20, 21 dan 22. Item 12 iaitu "*Saya berasa tidak tertekan apabila belajar Bahasa Arab*" dipersetujui oleh 190 orang responden (60.1%). Manakala hanya 178 orang responden (56.3%) yang bersetuju dengan item 13 iaitu "*Saya merasakan Bahasa Arab adalah mata pelajaran yang tidak sukar*". Selain itu, 238 orang responden (75.3%) yang bersetuju bahawa mereka tidak mudah berputus asa dalam menguasai pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan ini dapat dilihat pada item 16. Seterusnya bagi item 19, seramai 252 orang responden (79.8%) bersetuju bahawa mereka suka untuk mempelajari Bahasa Arab.

Item 20 iaitu "*Saya berusaha untuk menguasai Bahasa Arab*" dipersetujui oleh 277 orang responden (87.7%) dan seramai 241 orang responden (76.3%) berminat untuk bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar. Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir daripada separuh responden berkeinginan dan berminat untuk bertutur dalam Bahasa Arab. Ini dapat dilihat pada item 21. Selain itu, desakan dan dorongan daripada keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk sikap dalam diri pelajar. Ini dapat dilihat pada dapatan item no. 22. Seramai 232 orang responden (73.4%) berminat untuk mempelajari Bahasa Arab tanpa desakan dan dorongan sesiapa. Dapatan ini membuktikan, minat majoriti pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab adalah datang dari diri sendiri.

Sikap pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat pada item 23 dan 24. Pada item 23, seramai 170 orang responden (53.8%) bersetuju bahawa mereka suka bertanya berkaitan mata pelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, dapatan pada item 24 menunjukkan hampir separuh responden yang tidak mengambil berat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Manakala, hanya 129 orang responden (40.8%) yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, para guru seharusnya mencari inisiatif dan kaedah yang lebih menarik minat pelajar

agar para pelajar turut serta dalam proses pengajaran dan pembelajaran sama ada secara individu mahupun berkumpulan.

### PENGUASAAN BAHASA ARAB PELAJAR

Tahap penguasaan Bahasa Arab ditunjukkan dalam jadual 3. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, menunjukkan majoriti responden berada pada tahap sederhana iaitu seramai 213 orang responden (67.4%) dan diikuti dengan tahap baik iaitu 87 orang responden (27.5%) Sementara hanya 16 orang responden (5.1%) merasakan tahap penguasaan yang rendah. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid adalah berada pada tahap sederhana (min=3.47, SP=0.627)

**Jadual 3:** Taburan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Bahasa Arab

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Penguasaan			3.47	0.627
Rendah (1.00 – 2.33)	16	5.1		
Sederhana (2.34 – 3.67)	213	67.4		
Tinggi (3.68 – 5.00)	87	27.5		
Jumlah	316	100.0		

Sumber: Data soal selidik (n=316)

Berikut merupakan taburan data soal selidik bagi penguasaan Bahasa Arab pelajar. Data disediakan dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Rujuk jadual 4.

**Jadual 4:** Taburan Data Soal Selidik Penguasaan Bahasa Arab

Bil	Pernyataan	5 Sangat setuju (SS) (%)	4 Setuju (S) (%)	3 Tidak Pasti (TP) (%)	2 Tidak Setuju(TS) (%)	1 Sangat Tidak Setuju (STS) (%)	Min	SP
1.	Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru.	56 (17.7)	147 (46.5)	96 (30.4)	8 (2.5)	9 (2.8)	3.74	.879

2.	Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam Bahasa Arab tanpa bantuan guru.	45 (14.2)	131 (41.5)	117 (37.0)	16 (5.1)	7 (2.2)	3.60	.872
3.	Saya mampu menterjemah ayat pendek tanpa menggunakan kamus.	29 (9.2)	126 (39.9)	126 (39.9)	22 (7.0)	13 (4.1)	3.43	.904
4.	Saya mampu membaca teks Arab tanpa baris dengan betul.	24 (7.6)	112 (35.4)	150 (47.5)	23 (7.3)	7 (2.2)	3.39	.819
5.	Saya mampu menulis ayat Bahasa Arab yang didengari dengan lancar.	32 (10.1)	124 (39.2)	131 (41.5)	19 (6.0)	10 (3.2)	3.47	.874
6.	Saya mampu memahami bacaan-bacaan dalam solat.	39 (12.3)	163 (51.6)	104 (32.9)	7 (2.2)	3 (0.9)	3.72	.742
7.	Saya mampu bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar.	10 (3.2)	59 (18.7)	189 (59.8)	41 (13.0)	17 (5.4)	3.01	.813
8.	Saya mampu menggunakan kemahiran Bahasa Arab dalam kehidupan seharian.	20 (6.3)	84 (26.6)	173 (54.7)	27 (8.5)	12 (3.8)	3.23	.840
9.	Saya mampu menambahkan perbendaharaan kata Bahasa Arab melalui pembelajaran Bahasa Arab.	51 (16.1)	120 (38.0)	120 (38.0)	12 (3.8)	13 (4.1)	3.58	.944

*Sumber: Data soal selidik (n=316)*

Jadual 4 menunjukkan taburan data soal selidik bagi penguasaan Bahasa Arab. Item 42 “*Saya mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru*” memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu 3.74 berbanding item yang lain. Manakala, item yang paling rendah nilai min iaitu 3.01 ialah item 48 “*Saya mampu bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar*”. Kemampuan seseorang dalam bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar haruslah sentiasa dipupuk dan memerlukan latihan yang berterusan. Pertuturan dalam Bahasa Arab tidak seharusnya terbatas ketika kelas Bahasa Arab semata-mata, bahkan ia haruslah sentiasa dipraktikkan.

Dapatan aspek penguasaan penterjemahan, ia dapat dilihat pada item 42, 43 dan 44. Pada item 42, seramai 203 orang responden (64.2%) bersetuju bahawa mereka mampu menterjemah ayat pendek ke dalam bahasa Melayu tanpa bantuan guru. Manakala, item 43 menunjukkan seramai 176 orang responden (55.7%) bersetuju mereka mampu menterjemah ayat pendek ke dalam Bahasa Arab tanpa bantuan guru. Selain itu, hanya 155 orang responden (49.1%) yang bersetuju mereka mampu menterjemah ayat pendek tanpa menggunakan kamus.

Dari aspek penguasaan kemahiran membaca pada item 45, hanya 136 orang responden (43%) mampu membaca teks Arab tanpa baris dengan betul. Selain itu, penguasaan kemahiran menulis pada item 46 memperlihatkan 156 orang responden (49.3%) mampu menulis ayat Bahasa Arab yang didengari dengan lancar.

Dapatan pada item 47 menunjukkan seramai 202 orang responden (63.9%) mampu memahami bacaan-bacaan dalam solat. Dari aspek penguasaan pertuturan, hanya 69 orang responden (21.9%) mampu bertutur dalam Bahasa Arab dengan lancar. Dapatan ini dapat dilihat pada item 48. Item ini merupakan nilai min yang paling rendah iaitu 3.01. Selain itu pada item 49, 104 orang responden (32.9%) mampu menggunakan kemahiran Bahasa Arab dalam kehidupan harian. Item yang terakhir merupakan penambahan perbendaharaan kata Bahasa Arab. Seramai 171 orang responden (54.1%) bersetuju mereka mampu menambahkan perbendaharaan kata Bahasa Arab melalui pembelajaran Bahasa Arab.

Setiap individu mempunyai penguasaan dan kemahiran yang berbeza. Walaubagaimanapun, kemahiran bahasa dapat dipertingkatkan dengan bantuan faktor tenaga pengajar yang bertauliah, suasana pembelajaran yang kondusif serta bahan pengajaran seperti buku teks, sukatan pelajaran dan kurikulum yang tersusun (Rosni 2009 & Abdul Hadi et al. 2003)

## **ANALISIS KORELASI**

Korelasi adalah satu kuantiti atau magnitud yang mewakili darjah kekuatan hubungan atau perkaitan antara dua variable (Othman 2013). Analisis korelasi dilakukan antara pembolehubah dengan penguasaan Bahasa Arab.

**Jadual 5:** Korelasi Pemboleh ubah Sikap dengan Penguasaan Bahasa Arab

<b>Pemboleh ubah</b>	<b><i>r</i></b>	<b><i>p</i></b>
Sikap	0.623**	0.000

*Sumber: Data soal selidik (n=316)*

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji iaitu hubungan antara sikap dengan penguasaan Bahasa Arab. Hasil dapatan kajian menunjukkan pemboleh ubah bebas berada dalam kekuatan hubungan yang kuat mengikut jadual kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971).

Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab ( $r = 0.623$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), perkaitan antara sikap pelajar dengan penguasaan Bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif iaitu lebih tinggi tahap sikap, maka lebih tinggi tahap penguasaan Bahasa Arab.

## **KESIMPULAN**

Penguasaan dan keberkesanan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing dapat dilihat daripada hubungan sikap yang bukan sahaja lahir daripada faktor dalaman individu, bahkan faktor luaran juga berperanan untuk meningkatkan motivasi dalam menguasai bahasa tersebut. Pengaruh rakan sebaya, minat yang dipupuk dari awal serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengikut tahap kognitif pelajar dapat membantu dalam membina dan meningkatkan sikap yang positif dalam diri pelajar. Pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab mampu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab mereka.

Selain itu, perkembangan dan kezahiran hubungan yang rapat antara Bahasa Arab dengan ekonomi Islam serta aspek pelancongan juga semakin meluas. Ia turut mendapat perhatian dalam kalangan golongan profesional. Oleh itu, perkembangan semasa Bahasa Arab yang semakin bersifat global, berkepentingan dan ketinggian dalam nilai ekonomi telah mula diberi perhatian oleh masyarakat umumnya di persada antarabangsa. Menerusi perkembangan ini, ia boleh menjadi antara faktor dan penyebab meningkatnya sikap dan penguasaan dalam pembelajaran Bahasa Arab.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan kepada Majlis Agama Islam Melaka yang menganugerahkan dana penyelidikan (GL/17/F1/01) untuk penyelidikan yang bertajuk Sikap dan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Arab Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab.



## RUJUKAN

- Ab Halim Mohammad (2006). Antara minat dan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab: satu kajian ke atas pelajar Bacelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*, hlm. 9-18.
- Al-Tamimi, Atef & Shuib, Munir. 2009. Motivation and attitudes towards learning English: a study of petroleum engineering undergraduates at hadramout university of sciences and technology. *Gema Online Journal Of Language Studies*, 9(2): 29-49.
- Azlin Ariffin @ Riffin & Muhammad Suhaimi Taat. 2020. Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 3, (page 13 - 23).
- Azman Che Mat. 2013. Sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM*, 2 (2): 61-68.
- Bailey, K.D. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dahab, Mohamed Ibrahim. 1997. Evaluation of the Arabic language integrated curriculum for secondary schools (KBSM). Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Doka, Hassan Mohamed. 2000. Attitudes of malay students towards learning Arabic as a foreign language. Tesis Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Dornyei, Z. 2005. *The Psychology Of The Language Learner: Individual Differents In Second Language Acquisition*. Mahwah. Nj:Lawrence Erlbaum.
- Farhana Idris. 2008. Persepsi dan sikap pelajar sekolah menengah agama rakyat negeri Johor terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gardner, R.C. 1985. *Social Psychological Aspects of Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C dan Tremblay, P.F. 1994. On motivation, research agendas, and theoretical perspectives. *Modern Language Journal*, (79): 359-368
- Gardner R.C. & Lambert W.E. 1972. *Attitudes and Motivation In Second-Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner R.C. 1983. Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- Gardner R.C & Lalonde R.N, Moorcroft, R. 1985. The role of attitudes and motivation in second language learning: correlational and experimental considerations. *Language learning*, 35: (207-227).
- Gardner, H. 1983. *Frames Of Mind: The Theory Of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti

- Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3): 15-33.
- Hishamuddin Md.Som. 2005. *Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS WINDOWS*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaliah Rani. 2007. Sikap dan motivasi pembelajaran Bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian: satu kajian. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2010. Hubungan antara tahap motivasi dengan strategi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Terengganu. *Jurnal Teknologi*, (52): 57-67.
- Muhammad Marwan Ismail, Wan Moharani Mohammad & Zainur Rijal Abd Razak. 2006. Peranan Bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman ummah dalam aspek muamalat. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (6), hlm. 191-198..
- Mohammad Imran Ahmad, Ghazali Zainuddin, Mohammad Najib Jaffar dan Siti Rosilawati Ramlan. 2018. Model Analisis Keperluan Bahasa Arab untuk Pelancongan Islam di Selangor: Kajian Awal. *Journal Of Tourism, Hospitality And Environment Management*, 3 (9): 14-25.
- Mohammad Najib Jaffar, Noor Azizi Ismail, Kirembwe Rashid Abdul Hamed dan Hishomuddin Ahmad. 2016 Model Pembangunan Kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Muhd Firdaus Abdul Salam. 2003. Sikap dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris serta implikasinya terhadap pencapaian: satu analisis di kalangan pelajar sekolah menengah pendalaman Sabah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Natsue Hieda. 2012. Sikap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap bahasa Jepun. Tesis sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norafidah Gordani. 2017. Tahap motivasi instrinsik dan ekstrinsik terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahfiz di Selangor. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2017*.
- Nur Afifah Fadzil, Ahmad Syukri Musa, Roslida Saat & Nuraznan Jaafar. 2018. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Awal di Sekolah Menengah Agama Jabatan Agama Islam Melaka. Kolokium Penyelidikan Kebangsaan 2018 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pp. 29-40.
- Nur Afifah Fadzil, Nuraznan Jaafar, Roslida Saat & Ahmad Syukri Musa. 2018. Sikap dan Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur. Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017, (UNISZA) pp. 707-718
- Nur Afifah Fadzil. 2016. Kesahan Modul Bahasa Arab Menerusi al-Quran. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Hidayati Mohd Rafy. 2014. Sikap imam masjid terhadap pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan pembangunan kerjaya. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm: 255-261.
- Rosni Samah. 2012. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 19 Mei.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Islam Malaysia.
- Rusniza Mohammad. 1998. Kemahiran pengajaran Bahasa Arab satu kajian khusus di sekolah-sekolah agama negeri Kelantan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A.Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. 2007. *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.